

Kadar levi kenderaan komersial di Linkedua kini RM50

JOHOR BAHRU: Kadar levi kenderaan komersial yang menggunakan laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua) kini ditetapkan hanya RM50 berkuat kuasa serta merta.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi berkata, sebelum ini kadar levi kenderaan komersial sebanyak RM200 namun diputuskan untuk dikurangkan sebanyak RM150 kepada RM50 oleh Kabinet pada minggu lepas.

“Pengurangan kadar adalah bertujuan mengurangkan kesesakan di Tambak Johor kerana ramai pengguna kenderaan dari Johor yang bekerja di Singapura telah memaklumkan kesesakan di Tambak Johor membimbangkan.

“Bagi mengatasi kesesakan di Tambak Johor maka kerajaan bersetuju untuk mengurangkan levi kepada kenderaan komersial yang menggunakan Linkedua.

“Dengan pengurangan itu, kerajaan yakin banyak syarikat pengangkutan akan menggunakan Linkedua,” kata beliau selepas menghadiri mesyuarat Badan Perhubungan Johor di sini semalam.

Menurut beliau, pengurangan levi tersebut hanya ditetapkan di Linkedua namun kadar levi di Tambak Johor kekal RM200.

Menurut Ab. Aziz, pihaknya tidak mempunyai data tepat terhadap kenderaan komersial yang menggunakan Tambak Johor dan Linkedua ke Singapura setiap hari namun dijangkakan separuh daripada kenderaan komersial yang menggunakan Tambak Johor ketika ini akan beralih menggunakan Linkedua selepas ini selaras dengan pengurangan levi tersebut. - BERNAMA

SUMBER: KOSMO | M/S: 12 | 3 FEBRUARI 2018